

17 OCT 2003

Mahathir-IFTA/I

PERTIMBANGKAN CADANGAN PENUBUHAN IFTA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) harus menimbangakan secara serius cadangan untuk menubuhkan satu Kawasan Perdagangan Bebas Islam (IFTA), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr mahathir Mohamad hari ini.

"Ia adalah satu idea yang kita harus timbangkan dengan serius," katanya dalam sidang media selepas menghadiri majlis penutup sidang kemuncak OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Beliau berkata Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala yang diterima pakai oleh beberapa negara baru-baru ini boleh dijadikan sebagai cara untuk mencapai IFTA.

"Ia nampak boleh dilaksanakan bagi dua negara Islam untuk wujudkan FTA, yang nanti boleh ditingkatkan pada masa hadapan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas cadangan mengenai IFTA yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin perniagaan dari negara-negara OIC pada penghujung majlis sulung Forum Perniagaan OIC semalam.

Para pemimpin perniagaan itu merasakan bahawa IFTA akan dapat membantu bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan dalam sektor ekonomi di kalangan negara-negara anggota.

IFTA yang dicadangkan itu akan ditubuhkan secara berperingkat melalui kerjasama serantau yang distruktur dan kemudian diikuti oleh penubuhan satu Pasaran Islam Bersama.

Perdana Menteri berkata sebelum IFTA boleh dilaksanakan, negara-negara Islam perlu mencapai satu peringkat tertentu dalam pembangunan ekonomi.

"Semuanya bergantung kepada peringkat pembangunan yang kita capai," tambahnya.

-- BERNAMA

MAD MKO AZH